



KENYATAAN MEDIA

PENAFIAN BERHUBUNG DAKWAAN TANDAS AWAM KOTOR DAN TIDAK DISELENGGARA

Pihak Pengurusan Hospital Kuala Lumpur (HKL) ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan yang dibangkitkan mengenai tandas awam menerusi satu rakaman video yang tular di platform Facebook bertarikh 31 Julai 2026. HKL mengambil maklum mengenai dakwaan kemudahan tandas awam di hospital ini berada dalam keadaan kotor dan tidak diselenggara dengan baik.

Hasil siasatan yang dijalankan terhadap semua kemudahan tandas awam di bawah seliaan HKL mendapati lokasi tandas yang dimuat naik dalam hantaran video tersebut tidak berada dalam fasiliti seliaan HKL. Perkara ini juga dapat dikenalpasti kerana rekabentuk tandas yang tularkan itu berbeza dengan milik fasiliti HKL. Tindakan tidak bertanggungjawab ini boleh menjejaskan imej warga kerja HKL yang sentiasa komited memberikan perkhidmatan terbaik. Pihak HKL juga sentiasa memandang serius aspek kebersihan, keselamatan, dan keselesaan para pesakit, pelawat, serta kakitangan hospital. Kerja-kerja penyelenggaraan berkala sentiasa dilaksanakan mengikut jadual bagi memastikan kebersihan fasiliti seperti yang ditetapkan. Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak menularkan atau berkongsi maklumat palsu tersebut bagi mengelakkan kekeliruan dikalangan masyarakat.

HKL sentiasa mengalu-alukan maklum balas yang membina. Sebarang aduan rasmi atau pertanyaan berhubung fasiliti hospital boleh disalurkan secara terus melalui saluran rasmi HKL e-mel: pro.hkl@moh.gov.my dan talian telefon 03-2615 5555.

-TAMAT-

**PENGARAH
HOSPITAL KUALA LUMPUR
31 JULAI 2026**

